

**TALKING POINTS  
UCAPAN PENUTUP  
DATO' DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**PROGRAM SANGGAR KERJA  
PELAN STRATEGIK ANGKASA  
SELANGOR 2022 -2024**

**23 – 24 OKTOBER 2021**

**HOTEL TABUNG HAJI, KELANA JAYA**

---

Bismillahirahmanirahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

Terima kasih pengacara majlis

YBhg. Dato' Hj. Mohd. Alias Hamzah  
Pengerusi ANGKASA Selangor

YBhg. barisan Ahli Jawatankuasa  
Perhubungan ANGKASA Negeri  
Selangor

Pegawai-pegawai ANGKASA Selangor

## Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian

---

1. Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama pada petang yang mulia ini dalam majlis Penutup Program

# Sanggar Kerja Pelan Strategik ANGKASA Selangor bagi tempoh 2022 - 2024.

2. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengerusi dan barisan Ahli Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Selangor yang mengambil langkah ke hadapan

mewujudkan pelan strategik sendiri selaras Pelan Strategik ANGKASA (PESAN 50).

3. ANGKASA Selangor merupakan negeri pertama mengambil inisiatif seumpama ini. Moga usaha murni ini, memberi inspirasi dan dorongan kepada ANGKASA negeri lain untuk

mengambil inisiatif sama mewujudkan pelan strategik negeri masing-masing.

4. Saya amat menghargai usaha ini dan percaya, pelan Strategik ANGKASA Negeri Selangor mampu menjadi pendokong kuat pencapaian pelan Strategik ANGKASA (PESAN 50).

## **Hadirin yang dihormati sekalian...**

5. Sebagai badan puncak gerakan koperasi Malaysia, ANGKASA mempunyai peranan besar dalam memastikan gerakan koperasi cemerlang, maju, berdaya saing dan menjadi penyumbang berkesan kepada pembangunan dan ekonomi

negara. Sejajar dengan itu, fokus utama ANGKASA kepada pembangunan perniagaan dan menyokong pendigitalan koperasi dalam memastikan koperasi dapat merebut peluang ekonomi digital akan terus diperkasakan.

6. Dalam hal ini, peranan ANGKASA pusat dan ANGKASA negeri perlu selari dengan tahap kemajuan negara dan matlamat pembangunan masa hadapan yang ditetapkan Kerajaan melalui RMKe-12, Dasar Keusahawanan Nasional dan Pelan Transformasi Koperasi (Transkom).

7. Atas dasar ini, ANGKASA akan terus menjadi peneraju dalam menyokong dan merangsang perniagaan koperasi berimpak tinggi selaras dengan peranan dipertanggungjawabkan serta bagi memenuhi ekspektasi pelanggan dan pemegang taruh.

8. Justeru, Pelan Strategik ANGKASA Negeri Selangor amat penting menggariskan fokus utama yang ingin dicapai dalam tempoh tiga tahun melalui penyusunan program dan aktiviti menjurus kepada pencapaian matlamat ditetapkan yang diselaraskan dengan PESAN 50.

9. Selain itu, pelan Strategik ANGKASA Negeri ini juga penting dalam pembentukan budaya kerja berprestasi tinggi yang mampu menjadi panduan yang dapat memacu warga ANGKASA Selangor ke arah pembentukan nilai kerja berkualiti tinggi selaras dengan transformasi ditetapkan kerajaan.

10. Saya menaruh harapan tinggi agar Pelan Strategik ANGKASA Negeri Selangor 2022 – 2024 menjadi pemangkin kepada kesinambungan pelaksanaan Pelan Strategik ANGKASA 50 dalam mentransformasikan koperasi dan meningkatkan pendapatan gerakan

koperasi sebanyak RM60 bilion menjelang 2030.

11. Saya juga percaya pelan strategik ini, mampu mewujudkan kefahaman dan menjadi rujukan utama hala tuju perancangan dan pengurusan ANGKASA Negeri Selangor sejajar dengan objektif dan

matlamat PESAN 50. Asas bagi kejayaan pelaksanaan pelan strategik ini adalah komitmen dan kerjasama seluruh warga kerja ANGKASA Selangor yang mempunyai peranan dan tanggungjawab bersama dalam merelisasikan segala inisiatif yang digariskan dengan jayanya.

12. Syabas sekali lagi diucapkan kepada semua yang terlibat dalam merangka dan membangunkan dokumen pelan strategik ini. Penjanaan idea dan input melalui penglibatan menyeluruh menjadikan dokumen ini lebih bermakna.

13. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada ANGKASA Negeri Selangor yang menjemput saya menyampaikan ucapan penutup di majlis ini. Harapan saya moga pelan strategik ini, dapat memperkasa JPAN, meningkatkan KPI dan yang paling penting dapat memberi perkhidmatan

terbaik kepada koperasi-koperasi negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.